

USAID pilih Ihram, USIM jayakan latihan halal

SEREMBAN 11 Feb. - Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (Ihram), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama United States Agency for International Development (USAID) menganjurkan program latihan *Halal Meat Production and Marketing* bagi berkongsi kepakaran dan kemahiran dalam bidang penyelenggaraan dan pemasaran daging halal.

Program melibatkan lapan peserta dari Pakistan yang terdiri daripada pemilik perusahaan daging tersebut diadakan di sebuah hotel di Sepang, akhir bulan lalu.

USAID adalah institusi kerajaan Amerika Syarikat yang menawarkan bantuan kewangan dan perundingan dalam membangunkan negara dunia ketiga dan negara Asia Barat.

Wakil pemerhati USAID, **Mubashra Mukadas** berkata, USIM dipilih berdasarkan kepakaran yang ada di universiti itu.

"USIM adalah institusi latihan pertama yang dipilih dari Malaysia. Melalui proses bidaan oleh USAID dan World Learning Pakistan, Ihram USIM telah dipilih berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam industri produk halal untuk memberi



SEBAHAGIAN daripada peserta program latihan *Halal Meat Production and Marketing* anjuran Ihram, USIM dengan kerjasama USAID di Seremban, baru-baru ini. - UTUSAN/NAZARUDIN SHAHARI

latihan bagi tujuan membina kemahiran teknikal dan pengetahuan pasaran produk halal," katanya.

Menurutnya, Pakistan merupakan pengeluar daging ke-19 terbesar di dunia, namun produk daging dari

negara itu masih tidak mematuhi syarat seperti digariskan oleh Badan Pensijilan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menurut Pengarah program yang juga Timbalan Pengarah Ihram, **Dr.**

Mohd Nazmi Abd. Manap, program latihan itu bertujuan memberi pemahaman dan pengetahuan secara teknikal dan praktikal selain pendedahan mengenai pasaran industri halal di Malaysia.

Selain diberi pemahaman tentang teknik penyembelihan secara halal, para peserta turut dibawa melawat ke beberapa rumah penyembelihan di Sepang dan Shah Alam.

Mereka turut diberi pendedahan berkaitan industri perniagaan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang disampaikan oleh Pengarah MATRADE, Datuk Dr. Md. Noor Ali.

Setiausaha Persatuan Pengeksport Daging Lahore, Pakistan, **Syed Hasan Raza** berkata, tujuan mereka menghadiri program itu adalah bagi memahami dan mempelajari tentang keperluan status halal yang diberi perhatian oleh negara Islam seperti Malaysia.

"Syarikat pengeksport daging di Pakistan telah dipantau dan mendapat pengiktirafan sijil halal dari Badan Halal Darul Islamia Mansoor, namun setiap negara berbeza syarat dan keperluan yang mesti dipatuhi," katanya.

Para peserta turut diraikan dalam majlis makan malam yang dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd Hanifah dan Pengarah Ihram, Dr. Alina Abd Rahim.